

| M/S | TAJUK BERITA | TARIKH | SUMBER |
|-------|--|-------------|----------------|
| 3-8 | TEKNOLOGI AI, IMBASAN 3D JADIKAN INDUSTRI PEMBINAAN LEBIH LES-TARI | 2 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 9-11 | TVET PERKUKUH DAYA SAING NEGARA, PILIHAN UTAMA LATIH TENAGA MAHIR | 5 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 12-15 | LATIHAN TVET BANTU WARGA EMAS BERDIKARI | 6 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 16-18 | SARAWAK TERUS PERKUKUH USAHA TUNTUT AUTONOMI PENDIDIKAN BERLANDASKAN MA63 | 7 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 19-21 | 5 UNIVVERSITI KOREA TAWAR 50 TEMPAT PENGAJIAN PERCUMA SAM-BUNG MASTER, PHD | 7 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 22-27 | TVET AKSES PERTAMA CORAK KERJAYA DALAM BIDANG INDUSTRI | 9 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 28-31 | TIGA TEATER BANGSAWAN BAKAL GEGAR BANDARAYA MELAKA | 10 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 32-35 | HARI BELIA NEGARA: PELBAGAI INISIATIF PEMBANGUNAN BELIA DIPERKASA | 15 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 36-40 | GURU ASAS KEJAYAAN AGENDA REFORMASI PENDIDIKAN | 16 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 41-43 | AKTA TVET PERLU DIGUBAL BAGI PERKASA EKOSISTEM PENDIDIKAN NEGARA | 23 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 44-46 | ISU GAJI GRADUAN:NILAI EKONOMI NEGARA PERLU DITINGKATKAN | 23 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |

| M/S | TAJUK BERITA | TARIKH | SUMBER |
|-------|---|-------------|----------------|
| 47-49 | BELIA DISERU SERTAI TVET PERTANIAN BAWAH KPBM, PENGAJIAN PERCUMA DITAWARKAN | 24 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 50-52 | PELAJAR SPM DAPAT 10A DIJAMIN TEMPAT, BIASISWA DI UNIKL, UPTM | 24 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |
| 53-56 | MARA CADANG TAMBAH PENDIDIK PENUHI KEPERLUAN | 27 MEI 2025 | BERNAMA ONLINE |

BERNAMA

2 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | TEKNOLOGI AI, IMBASAN 3D JADIKAN INDUSTRI PEMBINAAN LEBIH LESTARI

Teknologi AI, imbasan 3D jadikan industri pembinaan lebih lestari

Oleh Prof Madya Dr Md Asrul Nasid Masrom - Mei 2, 2025 @ 9:07am



INDUSTRI pembinaan di negara ini kini melalui fasa transformasi yang signifikan selari dengan arus pendigitalan global. Gabungan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Imbasan 3D mula diterapkan secara meluas dalam sektor ini, bukan sahaja sebagai alat bantu teknikal tetapi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi negara di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang menekankan transformasi sektor pembinaan ke arah yang lebih pintar dan mampan.

Menurut laporan Oxford Economics pada 2022, industri pembinaan global dijangka mencecah AS\$13.9 trilion (RM60 trilion) menjelang 2037. Malaysia, sebagai negara sedang membangun yang pesat, turut menyumbang kepada pertumbuhan ini melalui pelbagai projek mega seperti Projek Transit Aliran Massa 3 (MRT3), Sistem Transit Rapid (RTS) Link dan Lebuhraya Pan Borneo.

Namun, cabaran yang masih berpanjangan seperti pembaziran sumber, kelewatan projek, risiko keselamatan dan pelepasan karbon masih membentenggu industri.

Di sinilah pentingnya teknologi AI yang digabungkan dengan imbasan 3D, yang menawarkan penyelesaian pintar dan tepat berdasarkan data masa nyata (real-time) dan analisis automatik.

Selain itu, teknologi imbasan 3D berdasarkan AI membolehkan pemantauan tapak pembinaan secara menyeluruh melalui penggunaan dron, Light Detection & Ranging Technology (LIDAR) atau kamera pengimbas beresolusi tinggi.

Data yang dikumpulkan itu, dianalisis secara automatik oleh perisian AI untuk mengesan sebarang ketidaktepatan binaan, kecacatan struktur atau risiko keselamatan.

Kajian oleh McKinsey & Company pada 2023 menunjukkan penggunaan teknologi ini meningkatkan produktiviti projek sebanyak 25 peratus dan mengurangkan kos buruh sehingga 15 peratus.

Hasil ini diperoleh daripada pengurangan kerja pembaikan semula dan kecekapan dalam perancangan semula jadual kerja pembinaan.

Di negara ini, syarikat pembinaan gergasi mula menggunakan teknologi ini dalam kerja terowong dan struktur bawah tanah. Projek MRT3 contohnya, menggunakan dron berimbang 3D yang dipadankan dengan algoritma AI bagi menjelak kemajuan penggalian dan mengesan anjakan tanah.

Inisiatif ini bukan sahaja menamatkan masa dan kos, malah meningkatkan tahap keselamatan dan mengurangkan kebergantungan terhadap pemeriksaan manual yang memakan masa.

Dari sudut pembangunan ekonomi, integrasi teknologi AI dan imbasan 3D menyokong pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 serta Dasar Revolusi Industri Keempat (4IR).

Teknologi ini membuka peluang pekerjaan dalam bidang baharu seperti juruanalisis data pembinaan, jurutera AI, pengendali dron industri dan pakar pengurusan model Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM).

Rapatkan jurang digital, lonjak daya saing negara

Dengan sokongan latihan teknikal daripada institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dan pembabitan sektor swasta, teknologi ini mampu merapatkan jurang kemahiran digital dan melonjakkan daya saing negara di rantau ASEAN.

Dari aspek kelestarian alam sekitar, teknologi imbasan 3D berasaskan AI turut memberi impak besar dalam usaha mengurangkan pelepasan karbon dan pembaziran bahan binaan.

Data daripada World Green Building Council menunjukkan industri pembinaan menyumbang hampir 39 peratus kepada pelepasan karbon global.

Imbasan 3D membolehkan reka bentuk struktur dilakukan dengan lebih tepat, manakala AI dapat mengoptimumkan penggunaan bahan berdasarkan analisis volum, struktur dan keperluan sebenar di tapak.

Ini sekali gus menyokong matlamat SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari) dan SDG 13 (Tindakan Terhadap Perubahan Iklim) agar dapat dicapai secara efektif.

Sebagai contoh, dengan adanya pengimbasan automatik yang dilakukan robot atau dron, lawatan tapak secara fizikal boleh dikurangkan. Ini bukan sahaja mengurangkan penggunaan kenderaan dan bahan api, malah mengurangkan kesesakan dan pencemaran di kawasan pembinaan sering terletak di pusat bandar.

Dalam konteks sosial pula, penggunaan AI dan imbasan 3D turut menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan pekerja dan kesejahteraan komuniti sekeliling.

Sistem pemantauan berdasarkan AI boleh mengesan pekerja tidak memakai alat pelindung diri (PPE), mengenal pasti struktur binaan tidak stabil serta memberi amaran awal terhadap bahaya yang berpotensi berlaku.

Laporan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) menunjukkan sektor pembinaan masih mencatatkan kadar kemalangan tertinggi dalam industri.

Dengan teknologi pintar ini, insiden boleh dikurangkan secara signifikan, manakala pekerja dapat menjalankan tugas dalam persekitaran yang lebih selamat dan tersusun.

Namun, cabaran dalam pelaksanaan teknologi ini masih perlu dipertimbangkan. Antara halangan utama ialah kos permulaan yang tinggi, jurang kemahiran digital dalam kalangan pekerja dan kesukaran untuk menyepadukan data daripada pelbagai sistem dan kontraktor.

Sebuah sistem pengimbas laser 3D boleh mencecah antara AS\$40,000 (RM172,700) hingga AS\$100,000 (RM431,600), satu jumlah besar untuk kontraktor berskala kecil dan sederhana.

Oleh itu, kerjasama akrab antara kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta amat penting bagi menyediakan latihan, geran teknologi serta sokongan dasar bagi memperluaskan penggunaan teknologi ini secara menyeluruh.

Oleh itu, kerjasama akrab antara kerajaan, institusi pendidikan dan sektor swasta amat penting bagi menyediakan latihan, geran teknologi serta sokongan dasar bagi memperluaskan penggunaan teknologi ini secara menyeluruh.

Langkah seperti geran transformasi digital oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), insentif Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (MIDA) untuk automasi serta penawaran program mikro-kelayakan dalam bidang analitik pembinaan perlu diperluas agar tidak hanya syarikat besar yang mendapat manfaat.

Usaha ini juga akan mempercepatkan peralihan kepada sistem binaan berindustri (IBS), pembinaan modular dan sistem binaan hijau lebih mampan.

Kesimpulannya, teknologi imbasan 3D berdasarkan AI bukan sekadar satu inovasi canggih, bahkan komponen penting dalam transformasi industri pembinaan negara.

Ia menyumbang secara langsung kepada pembangunan ekonomi lebih kompetitif, menyokong pemeliharaan alam sekitar dan memperkuuh kesejahteraan sosial pekerja serta komuniti.

Dalam era pascapandemik dan krisis iklim yang semakin mencabar, Malaysia perlu mengambil peluang untuk mengarusperdanakan teknologi ini demi membina masa depan lebih pintar, selamat dan mampan.

Penulis adalah Penyelidik Utama Pusat Penyelidikan Pengurusan Infrastruktur Lestari dan Alam Sekitar (CSIEM), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

BERNAMA

5 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | TVET PERKUKUH DAYA SAING NEGARA, PILIHAN UTAMA LATIH TENAGA MAHIR

TVET perkukuh daya saing negara, pilihan utama latih tenaga mahir - Ahmad Zahid

Oleh [BERNAMA](#) - Mei 5, 2025 @ 10:13pm



KUALA LUMPUR: Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kini bukan lagi dianggap pilihan kedua sebaliknya menjadi platform utama dalam melahirkan tenaga kerja kompetitif sekali gus memperkuatkan daya saing negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa TVET Negara berkata, bidang itu turut berperanan sebagai platform penting untuk siswazah meraih pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

"Terdapat pelbagai institusi TVET di seluruh negara yang menawarkan kursus dalam bidang yang menarik seperti automotif, elektrik, masakan, teknologi maklumat, jahitan dan perhotelan.

"Mari jadikan TVET sebagai pilihan utama kerjaya. Jom masuk TVET!" katanya menerusi hantaran di platform X.

Menerusi infografik yang dikongsikan bersama hantaran tersebut, setakat ini terdapat 673 institusi TVET awam, 697 swasta dan 28 kerajaan negeri.

Sebelum ini, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata permohonan UP_TVET Perdana bagi pengambilan Julai telah dibuka dengan dua kategori pemohonan.

Bagi kategori kursus yang memerlukan temu duga permohonan dibuka hingga 30 Mei ini manakala kursus tanpa temu duga permohonan dibuka hingga 15 Jun.

Individu yang berminat boleh melayari laman sesawang rasmi di mohon.tvet.gov.my untuk maklumat lanjut.

BERNAMA

6 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | LATIHAN TVET BANTU WARGA EMAS BERDIKARI

Latihan TVET bantu warga emas berdikari

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri - Mei 6, 2025 @ 10:52am



IPOH: Golongan warga emas seharusnya tidak terkecuali diberi pendedahan mengikuti kursus program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), seiring persiapan negara ke arah fasa negara menua menjelang 2030.

Inisiatif itu dijalankan D' Alam Academy di Jalan Ampang Baru, di sini, antara pelaksana kepada Pusat Aspirasi Anak Perak (PASA) yang menawarkan kursus TVET jangka pendek khusus bagi individu berusia 60 tahun dan ke atas.

Antara kursus ditawarkan khas bagi golongan itu adalah terapi urutan dan bekam angin, kraftangan jahitan, penghasilan doh berasaskan yis, urutan refleksologi kaki dan tangan, serta hiasan serta pembungkusan kek.

Pengasas pusat perunding latihan itu, Rosdziah Mohd Zainudin, 51, berkata usia tidak seharusnya penghalang untuk terus belajar dan berkembang, apatah lagi bagi golongan warga emas termasuk ibu tunggal yang terpaksa berdikari bagi meneruskan kehidupan.

Katanya, justeru memastikan kelangsungan kehidupan warga emas kekal produktif usaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran digiatkan, bertepatan dengan agenda pembelajaran sepanjang hayat (PSH), termasuk seperti digariskan menerusi pelan pembangunan negeri, Perak Sejahtera 2030.

Rosdziah berkata, dia mula menceburi bidang kecantikan pada 1999 dengan membuka sebuah spa, namun diuji dengan keretakan rumah tangga pada 2006 apabila 'hilang sebelah sayap'.

Bergelar ibu tunggal, berbekalkan pengalaman mengendalikan spa kecantikan, dia bangkit mengubah nasib keluarga.

Katanya, dia mula menjadi tenaga pengajar separuh masa di beberapa institusi pada 2015, sebelum mengambil keputusan membuka sebuah pusat kecergasan fizikal pada 2018.

Namun, pusat kecergasan itu tidak kekal lama susulan pandemik COVID-19. Justeru, dia menukar entiti itu pada 2021 menjadi pusat perunding latihan D' Alam Academy.

"Sejak itu hingga sekarang saya masih tenaga pengajar, menyambung apa yang dilakukan sejak 2015 iaitu sebagai tenaga pengajar separuh masa di kolej komuniti dan pusat GiatMARA," katanya kepada *BH*.

Katanya, kursus TVET warga emas ditawarkan D' Alam Academy meliputi golongan warga emas dalam kategori rentan seperti ibu tunggal, pelajar dari pelbagai latar belakang keluarga dan kerjaya sebelumnya.

"Ada pelajar kami daripada kategori seperti hidup sebatang kara, dengan kebanyakannya ibu tunggal dan ada tinggal bersendirian tetapi mampu berdikari. Selain itu ada yang bekerjaya sebelum ini.

"Peserta latihan dibekalkan eluan RM200 oleh PASAK bagi lima hari tempoh kursus dijalankan.

"Sebagai penyedia latihan kita juga bekalkan peserta kursus dengan peralatan berkaitan bagi membolehkan ilmu ditimba tidak hanya 'mati' di situ, sebaliknya dipraktikkan," katanya.

PASAK diletakkan sebagai agensi peneraju menerusi beberapa agenda serta *flagship* menerusi pelan pembangunan negeri Perak Sejahtera cetusan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad, termasuk menerusi *flagship* Koridor TVET Malaysia serta Program Pembanye Modul Insan & Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Pelan sama juga meletakkan agenda bandar mesra usia (Aged-Friendly City), selain agenda dalam usaha memperkasa dan membangunkan keupayaan wanita serta warga tua sebagai sumber insan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat di Perak, menerusi *flagship* Program Menyantuni Golongan Rentan.

BERNAMA

7 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | SARAWAK TERUS PERKUKUH USAHA TUNTUT AUTONOMI PENDIDIKAN BERLANDASKAN MA63

Sarawak terus perkukuh usaha tuntut autonomi pendidikan berlandaskan MA63

Oleh BERNAMA - Mei 7, 2025 @ 5:03pm



KUCHING: Sarawak terus memperkuuh usaha menuntut autonomi pendidikan berlandaskan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang kini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak I (Pendidikan dan Inovasi), Datuk Dr Annuar Rapae.

Beliau berkata perkara itu diperincikan dalam Perenggan 17, Bab 2 Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC), yang menyatakan bahawa semua dasar pendidikan di Sarawak mesti dirangka dengan rundingan bersama kerajaan negeri, meskipun pelaksanaannya diuruskan oleh pegawai persekutuan.

"Walaupun Pengarah Pendidikan Negeri adalah pegawai Persekutuan, namun semua dasar tetap perlu dirundingkan dengan kerajaan negeri. Ini jelas dinyatakan dalam laporan IGC dan kini telah menjadi undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kolej Universiti i-Cats dan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di sini, hari ini.

Dr Annuar berkata Sarawak telah mengemukakan 15 perkara utama dalam rundingan berkaitan penambahan kuasa autonomi negeri, yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat dan menunjukkan perkembangan positif.

Katanya, antara perkara paling penting ialah penggunaan bahasa Inggeris di sekolah dan kuasa Pengarah Pendidikan Negeri untuk meluluskan projek pembangunan.

"Sebelum ini, walaupun projek Transformasi Luar Bandar (RTP) menggunakan dana sendiri, kami tetap perlu mendapatkan kelulusan dari Kuala Lumpur. Kini, Pengarah Negeri boleh meluluskannya," katanya.

Dr Annuar turut memaklumkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan semakin baik termasuk kebenaran kepada Sarawak untuk melaksanakan peperiksaan Tahun Enam sendiri selepas pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Ini menunjukkan wujud kerjasama yang baik antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan. Kalau tiada kerjasama, mustahil kita dibenarkan laksana peperiksaan sendiri," katanya.

– BERNAMA

BERNAMA

7 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | 5 UNIVERSITI KOREA TAWAR 50 TEMPAT PENGAJIAN PERCUMA SAMBUNG MASTER, PHD

5 universiti terkemuka Korea tawar 50 tempat pengajian percuma sambung master, PHD

Oleh BERNAMA - Mei 7, 2025 @ 7:18pm



KUALA LUMPUR: Lima universiti terkemuka Korea Selatan bersetuju menawarkan 50 tempat pengajian percuma kepada pelajar Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana (Master) dan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), dengan jumlah tajaan dianggarkan bernilai RM3 juta.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berkata persetujuan itu dicapai hasil rundingan bersama beberapa presiden universiti terbabit ketika lawatan kerja rasmi beliau ke negara itu baru-baru ini.

"Alhamdulillah, moga apa yang direncanakan ini memberi manfaat kepada pelajar-pelajar Melayu-Bumiputera untuk menceburi bidang-bidang strategik berkepentingan negara masa depan," katanya menerusi catatan di Facebook hari ini.

Asyraf Wajdi berkata kelima-lima universiti berkenaan turut bersetuju menjalin kerjasama strategik dengan beberapa institusi pengajian tinggi MARA, antaranya Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Universiti Poly-Tech MARA (UPTM).

Kerjasama itu merangkumi pelaksanaan penyelidikan bersama dalam bidang semikonduktor, kecerdasan buatan (AI), teknologi internet kebendaan (IoT), robotik dan tenaga boleh diperbaharui, dengan memanfaatkan fasiliti serta makmal berteknologi tinggi di Hanyang University dan Seoul-Tech University.

Dalam pada itu, MARA turut mendapat persetujuan bagi penempatan pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di institusi di bawah Institusi Pendidikan MARA (IPMa) seperti Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM) untuk menjalani latihan industri di syarikat gergasi Korea Selatan seperti Hyundai dan Samsung.

"Pelajar-pelajar MARA di IPMa juga boleh menyambung pengajian di peringkat ijazah pertama dengan hanya menghabiskan dua tahun melalui kaedah pindahan kredit setelah selesai tiga tahun diploma di IKM, KKTM dan UniKL dalam bidang-bidang kejuruteraan, elektrik, elektronik, sains komputer, AI dan IoT," katanya.

– BERNAMA

BERNAMA

9 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | TVET AKSES PERTAMA CORAK KERJAYA DALAM BIDANG INDUSTRI

TVET akses pertama corak kerjaya dalam bidang industri

Oleh Suzalina Halid - Mei 9, 2025 @ 10:02am



Paparan pelbagai wajah calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2024 mengambil keputusan minggu lalu mengembalikan nostalgia detik penulis berada di ruang sama satu ketika dahulu, mata pantas melihat abjad diperoleh bagi mencorak laluan masa depan.

Kita berkongsi memori sama – air mata, pelukan, ucapan tahniah dan senyuman ibu bapa serta guru menumpang bangga melihat kumpulan remaja menuai hasil atas usaha mereka. Secara realitinya, kegembiraan meraikan kejayaan tidak lama kerana ada perjuangan lebih besar menunggu.

Persoalan paling besar dihadapi penulis 20 tahun lalu ialah ke mana selepas ini? Ketika itu, tiada pendedahan meluas mengenai peluang pengajian alternatif khususnya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Aliran perdana menjadi tumpuan semua tetapi ada kalanya, keputusan tidak selari dengan impian.

Itu cerita lama. Keadaan sekarang berbeza. Banyak peluang untuk lepasan SPM melakar masa depan cerah membina kerjaya melalui pelbagai cabang pengajian, termasuk TVET yang kian menjadi pilihan dan dilihat laluan masa depannya dalam skop lebih besar.

Istilah 'pendidikan kelas kedua' tidak harus lagi meniti di bibir. Pemikiran itu kian lapuk ditelan masa kerana TVET kini adalah antara cabang aliran perdana yang memenuhi keperluan pembangunan negara dalam jangka panjang.

Hakikat itu diperkuuh menerusi perangkaan kebolehpasaran graduan TVET di bawah Kerangka Sistem Pendidikan TVET keseluruhannya mencapai 94.5 peratus, termasuk institusi TVET di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) turut mencapai 98 peratus pada tahun lalu.

Jelas, itu adalah testimoni kepada ungkapan 'diam-diam ubi berisi' membuktikan TVET bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan luas, tetapi mampu membentuk masa depan lebih cerah dengan melahirkan ramai tenaga mahir, profesional, ahli teknologi dan usahawan berjaya.

Akses menyertai pendidikan aliran kemahiran amat mudah dengan 1,398 institusi TVET merangkumi 673 institusi TVET awam, 697 swasta dan 28 di bawah kerajaan negeri beroperasi di seluruh negara.

Berbanding institusi pendidikan lain, peluang menyambung pengajian di TVET terbuka sepanjang tahun dengan pelbagai pilihan fleksibel melalui sistem UP_TVET Flexi dibuka sejak Januari lalu.

Ia membolehkan individu mengikuti latihan kemahiran secara modular dan anjal berdasarkan kesesuaian jadual masing-masing, manakala UP_TVET Perdana bagi Kursus Sepenuh Masa Ambilan Julai 2025 sudah dibuka permohonannya.

Sebanyak 280 institusi di bawah KKDw menawarkan 529 program daripada peringkat Sijil Kemahiran hingga Ijazah Kedoktoran, meliputi 15 kluster bidang kritikal untuk pasaran kerja semasa.

Antara bidang TVET 'cool' boleh dijadikan pilihan lepasan SPM untuk menyambung pengajian ialah kejuruteraan di bawah cabang kejuruteraan mekanikal, teknologi automotif, mekatronik dan teknologi pembuatan.

Sejajar keperluan, aspek teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menawarkan pelbagai pilihan seperti pengaturcaraan komputer dan multimedia interaktif, teknologi serta siber, sama seperti aliran perdana.

Bidang lain membabitkan hospitaliti, pelancongan, pertanian moden, agro-teknologi, fesyen dan reka bentuk, pembinaan, binaan bangunan, perkhidmatan kecantikan dan estetik, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan, logistik, media serta komunikasi.

Bukan sekali dua kita mendengar Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara (MTVETN) mengupas secara mendalam agenda kepentingan TVET sebagai antara pengisian utama masa depan Malaysia.

Kupasannya berasas, malah perkembangan TVET turut menjadi perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mengakui pentingnya anak-anak tempatan diasah dengan kemahiran yang perlahan-lahan boleh mengurangkan kebergantungan negara terhadap tenaga asing satu masa nanti.

Laluan kerjaya masa depan stabil

Atas dasar itu, lepasan SPM yang belum lagi membuat perkiraan, sewajarnya menjadikan aliran TVET sebagai pilihan, mengambil kira laluan kerjaya masa depan yang stabil berbekalkan kemahiran dimiliki selepas pengajian.

Skop tafsiran bidang profesional sudah berubah. Dasar TVET Negara 2030 yang menggariskan usaha meningkatkan kebolehkerjaan dan mobiliti graduan, selain peningkatan kualiti dan pengiktirafan persijilan bagi memenuhi keperluan industri.

Kerajaan merangka dasar itu dengan teras strategik, meliputi 23 strategi dan 67 inisiatif utama bagi mendepani landskap semasa bidang itu serta cabaran teknologi baharu yang kompleks dalam bidang TVET.

Ambil contoh seorang lepasan TVET berkemahiran dalam bidang pendawaian. Kepakarannya mungkin dianggap biasa jika beliau hanya membetulkan pendawaian rumah sendiri, tetapi skalanya berubah jika orang sama diberi tanggungjawab memeriksa keseluruhan sistem pendawaian sebuah hospital, ibu pejabat bank atau bangunan pejabat kerajaan - semuanya lahir daripada Pendidikan TVET.

Pada September tahun lalu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menetapkan gaji premium lepasan bidang itu pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000.

Usaha itu kini berada pada peringkat majikan yang mana kerajaan mengadakan memorandum perjanjian (MoA) supaya pembayaran gaji untuk pekerja TVET melebihi gaji minimum ditetapkan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Keputusan SPM memang penting, namun ia hanya permulaan dalam mencapai perhitungan lebih besar dalam kehidupan. Masyarakat mulai menyedari kepentingan bidang vokasional sebagai antara keperluan utama, bukan pilihan terakhir hanya kerana keputusan SPM kurang memuaskan atau tidak mendapat tawaran pusat pengajian lain.

Meneliti keputusan SPM baru-baru ini, bilangan calon memperoleh keputusan cemerlang iaitu Gred A+, A dan A- dalam semua mata pelajaran meningkat kepada 14,179 orang atau 3.7 peratus berbanding 11,713 calon pada 2023.

Dengan lebih ramai pelajar berkualiti dilahirkan berdasarkan peningkatan keputusan SPM, maka lebih besar peluang negara memiliki pekerja bidang TVET yang lebih berdaya saing dan seterusnya merancakkan rentak pembangunan negara.

Jika kenderaan seorang perdana menteri rosak, ia perlu dibaiki mekanik. Sekiranya alat pendingin hawa kediaman seorang doktor tidak berfungsi, yang datang membaikinya adalah pekerja berkemahiran.

Tatkala itu, pelanggan tidak meminta untuk melihat keputusan SPM mekanik atau pekerja itu. Mereka mahu kerosakan dibaiki dan jika ditanya mengenai kelulusan, bayangkan betapa bangganya golongan berkemahiran apabila menjawab: "Saya lulusan TVET."

BERNAMA

10 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | TIGA TEATER BANGSAWAN BAKAL GEGAR BANDARAYA MELAKA

Tiga teater bangsawan bakal gegar Bandaraya Melaka

Oleh Nazri Abu Bakar - Mei 10, 2025 @ 11:30am

bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Tiga teater bangsawan bakal menggegarkan Bandaraya Melaka dengan menampilkan pelakon popular seperti Datuk Jalaluddin Hassan, Neera Azizi, Ashraf Muslim, Zack Kool, Julia Larica dan atlet silat Malaysia, Al Jufferi Jamari.

Usaha terbabit ditampilkan Pertubuhan Teater Melaka (PERTEM) membabitkan persembahan Teater Bangsawan Sahmura Empayar Melaka antara 23 hingga 25 Mei, Teater Tinta Runtuhan Bila Keris Berdenting Berbisik (31 Mei) dan Teater Tradisional Tun Fatimah Srikandi Melaka (13-15 Jun).

Presiden PERTEM yang juga pengarah teater terkenal, Lokman Ghani, berkata dia menggabungkan Malaysia dan Singapura untuk persembahan Teater Bangsawan Sahmura Empayar Melaka selepas menghasilkan banyak teater popular.

Katanya, ia susulan PERTEM menandatangani satu perjanjian persefahaman (MoU) kebudayaan bersama Sriwana Singapura bagi menjalankan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Singapura dalam program kebudayaan pada persidangan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di Singapura, tahun lalu.

"Kesinambungan daripada termeterainya MoU mencetus idea bagi pementasan Teater Bangsawan Sahmura Empayar Melaka, sekali gus DMDI dilantik sebagai penaung dalam pementasan kali ini. Ia juga susulan kejayaan kami menghasilkan Muzikal Warisan Keagungan Abad Ke 15 sempena sambutan Ulang Tahun Ke-15 Melaka Bandaraya Warisan Dunia - UNESCO sebelum ini .

"Persembahan teater ini juga disokong Jabatan kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Melaka (JKKN), Geran Sokongan Sektor Kebudayaan (GSSK) MOTAC, Panggung Bangsawan Melaka dan rakan strategik yang lain," katanya.

Majlis pelancaran tiga teater berkenaan disempurnakan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengarah JKKN Melaka, Ezlina Alias dan Timbalan Exco Perancangan Ekonomi, Kewangan, Hal Ehwal Tanah, Agensi Bukan Kerajaan, Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Teknikal dan Vokasional (TVET), Datuk Khaidhirah Abu Zahar.

Pementasan Teater Bangsawan Sahmura Empayar Melaka membabitkan penceritaan kisah suka duka dan perjuangan hidup tiga Srikandi Melayu iaitu Tun Kudu, Tun Teja dan Tun Fatimah, sekali gus mengupas kepada keberanian, kecekalan dan perjuangan srikandi yang menjadi contoh kepada generasi kini.

Sementara itu, PERTEM dengan kerjasama Boolan Trending mengambil inisiatif mengangkat warisan khazanah bangsa dengan memberikan satu kelainan menerusi pementasan Teater Puisi Tinta Runtuhan Bila Keris Berdenting Berbisik menggabungkan elemen silat, puisi dan tarian dalam satu naskhah.

Teater arahan Lokman itu menampilkan barisan pesilat bertaraf dunia, Al Jufferi Jamari dan Lekiu Khoha serta barisan pemuisi. Selain itu, ia turut membabitkan Pertubuhan Seni Silat Gayong Malaysia, Persatuan Seni Silat Lingkaran Karet dan Kumpulan Silat seni PERTEM.

Teater Tradisional Tun Fatimah Srikandi Melaka pula dipersembahkan sebagai inisiatif selepas kejayaan pementasan di Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 2024 yang mendapat sambutan luar biasa.

Penjualan tiket dan permintaan penonton sangat menggalakkan seperti pisang goreng panas mendorong teater itu akan dipentaskan semula di Melaka.

Dalam masa sama, Boolean Trending berhasrat menjadikan teater itu sebagai satu siri jelajah di seluruh negara dan bakal mengangkat persembahan ke luar negara dengan mengangkat kisah perjuangan Tun Fatimah yang juga anak Bendahara Seri Maharaja yang jelita dan Serikandi Melaka.

BERNAMA

15 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | HARI BELIA NEGARA: PELBAGAI INISIATIF PEMBANGUNAN BELIA DIPERKASA

Hari Belia Negara: Pelbagai inisiatif pembangunan belia diperkasa - Zahid

Oleh **BERNAMA** - Mei 15, 2025 @ 5:52pm



KUALA LUMPUR: Hari Belia Negara yang diraikan hari ini merupakan manifestasi penghargaan kerajaan terhadap peranan dan sumbangan besar golongan belia dalam pembangunan negara, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Menerusi hantaran di Facebook rasminya, Ahmad Zahid berkata generasi muda hari ini semakin matang, ilmu serta memiliki daya fikir tinggi dalam mendepani cabaran semasa yang semakin kompleks dan mencabar.

"Atas kesedaran ini, kerajaan terus memperkasa pelbagai inisiatif bagi meluaskan peluang pembangunan belia termasuk dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), keusahawanan, ekonomi hijau dan ekonomi digital, agar anak muda kita bukan sahaja mampu bersaing, malah bersedia memimpin perubahan masa hadapan.

"Saya yakin belia hari ini adalah pencorak masa depan. Teruslah melangkah dengan yakin dan menyumbang dengan semangat yang tinggi kerana masa depan negara ini amat bergantung kepada keberanian dan kebijaksanaan kalian," katanya.

Sambutan Hari Belia Negara pada setiap 15 Mei dipenuhi dengan pelbagai pengisian di seluruh negara dan 'Yakin Boleh' dipilih sebagai tema sambutan tahun ini.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menerusi hantaran di Facebook menyeru seluruh belia Malaysia agar terus komited merealisasikan aspirasi diri serta menyumbang ke arah kemajuan negara.

"Anda merupakan tunjang negara, penggerak inovasi dan pemimpin masa depan yang bakal membentuk landskap Malaysia yang lebih sejahtera.

"Marilah kita bersama-sama memperkasa bidang sukan, memupuk perpaduan dan mendukung agenda pembangunan yang mampan.

"Semangat dinamik dan dedikasi anda adalah asas kejayaan kita semua," katanya.

Dalam pada itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said turut merakamkan ucapan bersempena Hari Belia Negara, menerusi satu hantaran di Facebook.

Beliau berkata kekuatan dan keupayaan sesebuah negara sememangnya terletak kepada generasi muda atau belianya.

"Justeru, menyedari hakikat ini, Kerajaan MADANI telah merangka pelbagai inisiatif pemerkasaan golongan belia bagi mempersiapkan mereka sebagai generasi penerus kegemilangan tanah air tercinta ini.

"Kerajaan, melalui segmen undang-undang dan reformasi institusi, juga komited untuk memastikan setiap anak muda diberikan ruang, keadilan dan peluang yang saksama bagi membina Malaysia yang lebih telus, adil dan berintegriti," katanya.

Sementara itu, Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil.

menggesa golongan belia supaya terus berusaha, berinovasi serta menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih gemilang.

Beliau berkata ini kerana belia adalah pemimpin masa depan dan pemangkin perubahan hari ini.

"Hari ini kita meraikan semangat, tenaga dan potensi luar biasa golongan belia - tonggak harapan negara.

"Jadilah belia yang berilmu, berintegriti dan berani mencipta perubahan positif. Selamat Hari Belia Negara," katanya menerusi hantaran di Facebook.

-- BERNAMA

BERNAMA

16 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | GURU ASAS KEJAYAAN AGENDA REFORMASI PENDIDIKAN

Guru asas kejayaan agenda reformasi pendidikan



Oleh Fadhlina Sidek - Mei 16, 2025 @ 12:14pm

bhrenanca@bh.com.my



Tanggal 16 Mei amat istimewa sekali. Pada hari ini kita meraikan golongan guru yang sumbangan serta jasa mereka amat besar, mendidik kita menulis, membaca dan menjadi insan berguna.

Guru adalah tunjang utama kepada agenda reformasi pendidikan yang sedang giat berjalan di setiap peringkat. Tema Sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan pada tahun ini iaitu, 'Guru Pemacu Reformasi Pendidikan' jelas mengangkat martabat guru sebagai pemangkin perubahan pendidikan negara ke tahap yang lebih baik.

Dalam pada kita mendepani cabaran hari ini dan masa hadapan, hala tuju pendidikan perlu berubah bagi memastikan ia kekal relevan. Bagaimanapun, merubah ekosistem pendidikan tidak mudah.

Apalagi dalam situasi yang mana amalan dan budaya kerja sedia ada sudah lama berakar. Reformasi ingin dilaksanakan menuntut kepercayaan serta komitmen utuh seluruh warga pendidik.

Sedari awal khidmat kebaktian di Kementerian Pendidikan (KPM), saya fokus memastikan pendidikan manusiawi diberi penekanan. Justeru, agenda reformasi pendidikan yang sedang berjalan perlu mengambil kira aspek nilai manusiawi seperti adab, kasih sayang dan saling menghormati.

Maka, atas rasa kasih terhadap anak-anak di seluruh negara, kita perlu pastikan isu keciciran murid ditangani dengan sebaik-baiknya. Pada tahun ini saya minta seluruh warga pendidik memberi tumpuan penuh kepada beberapa non-negotiables.

Antara yang utama ialah untuk memastikan kehadiran murid ke sekolah dan mereka perlu menguasai keupayaan literasi dan numerasi.

KPM pada waktu ini sedang berusaha melanjutkan dasar pendidikan wajib daripada peringkat rendah kepada peringkat menengah. Ini bagi memastikan setiap anak warganegara mendapat akses pendidikan berkualiti tanpa mengira latar belakang sekali gus membantu menangani isu keciciran.

Warga pendidik diseru membantu menyampaikan kefahaman kepada ibu bapa dan seluruh masyarakat mengenai kepentingan mewajibkan pendidikan bermula daripada peringkat sekolah rendah sehingga tamat peringkat menengah.

Sesungguhnya peluang untuk mendapatkan pendidikan berkualiti adalah hak setiap anak warganegara Malaysia. Hanya dengan pendidikan, putaran ganas kemiskinan dapat diputuskan.

Semua yang sedang diusahakan ini meletakkan peranan penting guru sebagai pendorong utama perubahan dalam ekosistem pendidikan negara.

Pada masa sama, tumpuan perlu terus diberi untuk memastikan elemen kesejahteraan guru diberi perhatian. Saya percaya, guru sejahtera dan bahagia pasti dapat menyumbang sepenuh daya usaha kepada kemenjadian murid dan kebitaraan sekolah di mana mereka bertugas.

Komitmen KPM terhadap kesejahteraan guru adalah jelas. Pada 2023 misalnya, kementerian memulakan pelaksanaan inisiatif tujuh langkah meningkatkan kesejahteraan guru. Semua tujuh langkah digariskan perlu dipatuhi di semua peringkat.

Pada tahun lalu pula, sewaktu Sambutan Hari Guru 2024, saya umumkan inisiatif pembangunan Indeks Kesejahteraan Guru (IKG) yang bertujuan menilai tahap kesejahteraan guru.

Berdasar kajian dilaksanakan, didapati skor komposit IKG adalah sebanyak 77.65. Skor ini menunjukkan tahap kesejahteraan guru di Malaysia secara keseluruhannya berada pada tahap baik.

Tingkat tahap kesejahteraan guru

Usaha meningkatkan kesejahteraan guru adalah satu tindakan yang berterusan. Masih ada ruang untuk kita bersama-sama meningkatkan tahap kesejahteraan guru.

Maka, saya minta kerjasama pemimpin pendidikan di setiap peringkat untuk mengambil tindakan proaktif bagi memastikan guru di semua institusi pendidikan di bawah KPM dapat ditingkatkan lagi tahap kesejahteraan mereka.

Sebagai contoh, inisiatif lantikan pembantu guru diperkenalkan bertitik tolak daripada iltizam berterusan KPM membantu mengurangkan beban tugas guru, terutama di sekolah dengan kepadatan tinggi. Kita sedang pertimbangkan kemungkinan inisiatif pembantu guru ini diperluaskan lagi masa hadapan.

Bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman, guru kini diberi peluang lebih luas mengikuti kursus jangka pendek di luar negara.

Pengalaman ditimba amat berguna untuk membantu guru meningkatkan kompetensi selaras dengan perkembangan dalam pendidikan, teknologi digital dan kecerdasan buatan (AI).

Dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) pula, KPM sedang meneroka peluang kerjasama strategik dengan penggiat utama industri bagi membolehkan guru mengikuti program pinjaman industri. Ini membolehkan mereka mendapat nilai tambah kemahiran menerusi upskilling dan reskilling.

Saya menyeru pemimpin pendidikan di peringkat sekolah, daerah dan jabatan pendidikan negeri (JPN) untuk menunjukkan rasa empati tinggi terhadap guru. Pimpin dan bimbinglah guru di bawah seliaan dengan penuh rasa hormat dan bertimbang rasa. Di peringkat kementerian, kita sentiasa berusaha mencari jalan memudahkan tugas guru. Maka, jangan bebankan mereka dengan arahan tidak wajar dan menyukarkan.

Pada masa sama, guru perlu menunjukkan kesetiaan dan rasa hormat yang tinggi kepada pentadbir. Kerja mendidik akan menjadi lebih seronok dan mudah apabila ada tolak ansur dan rasa kebersamaan tinggi dalam satu pasukan, 'bagai aur dengan tebing'.

Masyarakat pula perlu menghargai pengorbanan besar guru dan meletakkan rasa hormat tinggi terhadap mereka. Hargailah ketulusan dan keikhlasan perjuangan semua pendidik menyampaikan ilmu untuk memandaikan anak bangsa. Tanpa mereka, siapalah kita.

Mengambil kesempatan tarikh keramat hari ini, saya mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua guru di seluruh negara. Teruslah menjadi lilin menerangi kehidupan anak bangsa.

Guru Pemacu Reformasi Pendidikan. Terima kasih cikgu.

BERNAMA

23 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | AKTA TVET PERLU DIGUBAL BAGI PERKASA EKOSISTEM PENDIDIKAN NEGARA

Akta TVET perlu digubal bagi perkasa ekosistem pendidikan negara - Ahmad Zahid

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Alzahrin Alias - Mei 23, 2025 @ 6:27pm



PUTRAJAYA: Kerajaan dicadang menggubal Akta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi memperkasakan ekosistem pendidikan berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata cadangan yang dikemukakan pada Sesi Pemukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) adalah untuk memastikan pendidikan TVET dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun.

"Beberapa perkara penting antaranya ialah penggubalan Akta TVET yang dicadangkan supaya pendidikan TVET menjadi ekosistem pendidikan baharu seperti disarankan oleh KEB.

"Ini juga untuk memastikan ekosistem pendidikan baharu ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkoordinasi oleh seluruh 12 kementerian yang terbabit dalam dalam pendidikan TVET ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Sesi Pemukiman Setahun Selepas Kongres Ekonomi Bumiputera di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib.

Ahmad Zahid berkata, sesi pemukiman itu turut mencadangkan supaya kerajaan menaik taraf Majlis TVET Negara kepada Suruhanjaya TVET.

"Suruhanjaya ini bukan satu entiti baharu yang memerlukan tambahan penjawat awam atau peruntukan besar sebaliknya, ia bertindak menyelaras dan mengoptimumkan fungsi sedia ada secara lebih berfokus," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pemukiman terbabit dimaklumkan bahawa kerajaan dijangka membentangkan pindaan terhadap Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) pada sidang Parlimen hujung tahun ini.

"Beginu juga dicadangkan supaya Pusat Data Bumiputera dan Dashboard Ekonomi Bumiputera diwujudkan dengan segera, malah saya sudah melantik Tan Sri Prof Dr Noor Azlan Ghazali (Ketua Kluster Reformasi Pendidikan dan Modal Insan) untuk menjadi pengurus kepada kedua-duanya," katanya.

Ditanya mengenai bagaimana bidang TVET mampu menangani isu graduan terutama dalam kalangan pemegang Ijazah yang hanya mendapat gaji 'cukup-cukup makan' atau di bawah RM3,000 ketika ini, Ahmad Zahid menegaskan, kerajaan memperjuangkan gaji premium kepada lepasan bidang berkenaan.

Tegasnya, menerusi gaji premium, lepasan TVET dijangka memperoleh antara RM3,500 hingga RM5,000 terutama kepada pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 3 hingga 5.

"Kita memperjuangkan gaji premium untuk lepasan TVET, kita tidak mewajibkan (syarikat bayar gaji premium) tetapi kita melakukan libat urus dengan industri untuk menggalakkan mereka mengambil pendekatan itu.

"Kami (kerajaan bukan hanya mempunyai memorandum persefahaman (MoU), malah memorandum perjanjian (MoA) dengan industri, bukan bayar gaji minimum sebaliknya, gaji premium kepada lepasan TVET," katanya.

Kajian dijalankan oleh Malaysia Labour Market Insight Series bertajuk The 'Gaji Cukup Makan' Economy: When Higher Education Becomes an Economic Risk melaporkan lebih 65 peratus pemegang ijazah di negara ini memperoleh gaji bulanan di bawah RM3,000, sekali gus memperoleh pendapatan 'cukup-cukup makan' tanpa ruang untuk menyimpan, melabur, atau meningkatkan mobiliti sosial mereka.

BERNAMA

23 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | ISU GAJI GRADUAN: NILAI EKONOMI NEGARA PERLU DITINGKATKAN

Isu gaji graduan: Nilai ekonomi negara perlu ditingkatkan - Steven Sim

Oleh Ruwaida Md Zain - Mei 23, 2025 @ 7:06pm



SHAH ALAM: Isu pemegang ijazah di negara ini menerima gaji bulanan di bawah RM3,000 atau 'cukup-cukup makan' berkait rapat dengan struktur dan pola ekonomi di negara ini.

Jika peningkatan nilai ekonomi negara, graduan berpeluang memperoleh kerjaya dengan gaji berpatutan dan sesuai dengan kelulusan mereka.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata keadaan pola ekonomi dalam tempoh masa 20 hingga 30 tahun ini menyebabkan masyarakat terperangkap dalam keadaan 'middle income trap'.

"Antara paradoksnya, setiap tahun kita ada 300,000 graduan lulusan universiti setahun, campur lagi 100,000 lulusan TVET, menjadikan jumlah 400,000 lulusan anak Malaysia yang berkelulusan tinggi.

"Setiap tahun juga, ekonomi kita hanya mampu menjana 50,000 pekerjaan bernilai tinggi dan berkemahiran tinggi.

"Ada jurang dan kelompangan, sebab itu kita panggil paradoks. Jadi, apa yang kita lakukan, kita harus menaikkan nilai ekonomi kita supaya syarikat di Malaysia ini mampu menjana lebih banyak lagi pekerjaan bernilai tinggi," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Bantuan Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) 2025 Peringkat Zon Tengah, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan akhbar ini mengenai lebih 65 peratus pemegang ijazah di negara ini memperoleh gaji bulanan di bawah RM3,000, sekali gus memperoleh pendapatan 'cukup-cukup makan' tanpa ruang untuk menyimpan, melabur, atau meningkatkan mobiliti sosial mereka.

Selain itu, lebih 70 peratus siswazah di negara ini didapati terpaksa bekerja dalam sektor separa mahir dan tidak mahir.

Dapatan itu diperoleh melalui kajian dijalankan oleh Malaysia Labour Market Insight Series bertajuk The 'Gaji Cukup Makan' Economy: When Higher Education Becomes an Economic Risk.

Steven berkata antara usaha yang dilakukan ialah menerbitkan satu garis panduan gaji progresif.

"Panduan gaji ini tidak dipaksa tetapi kita menggalakkan majikan menggunakan, contohnya seorang jurutera, kalau permulaan berapa gaji yang harus diberikan.

"Kita terbitkan panduan gaji kali pertama, ini membolehkan pasaran ada kesedaran bahawa ini gaji yang lebih baik dan pasaran harus ada rundingan," katanya.

BERNAMA

24 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | Belia diseru sertai TVET pertanian bawah KPKM, pengajian percuma ditawarkan

Belia diseru sertai TVET pertanian bawah KPKM, pengajian percuma ditawarkan

Oleh BERNAMA - Mei 24, 2025 @ 1:10pm



PUTRAJAYA: Belia negara diseru menyertai program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang menawarkan pengajian percuma dalam bidang pertanian moden selaras kehendak semasa industri.

Pengarah Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan KPKM Hizatul Haliza Hashim berkata program TVET Pertanian bakal membuka peluang kerjaya luas, sekali gus menjadikan belia negara sebagai tunjang penting kepada keterjaminan makanan negara.

Beliau berkata sebanyak 16 pusat bertauliahan di bawah KPKM menyediakan program TVET Pertanian secara percuma, antaranya Kolej Pertanian Malaysia di Kedah, Institut Latihan Mekanisasi dan Automasi Peladang (ILMAP) di Kelantan dan Institut Veterinar Malaysia di Johor.

"Yuran pengajian di 16 institut latihan pertanian ini ditaja sepenuhnya. Kita juga menyediakan elaun bulanan RM200 untuk pengajian peringkat sijil kemahiran. Makan, minum dan penginapan disediakan, manakala peralatan ditaja sepenuhnya oleh kerajaan.

"Saya menyeru semua belia, anak muda untuk menyertai kami TVET Pertanian di bawah KPKM memandangkan anda adalah pelapis untuk memastikan keterjaminan makanan negara," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Hizatul Haliza berkata TVET Pertanian terbuka kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) berusia 18 hingga 25 tahun untuk mengikuti program latihan dalam bidang kemahiran, antaranya tanaman, ternakan ruminan, pengeluaran padi serta akuakultur air tawar.

Bagi memastikan setiap program ditawarkan kekal relevan, beliau menegaskan KPKM sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum yang diguna pakai bagi memenuhi keperluan dan kehendak industri.

"Kita engage dengan industri untuk mendapatkan maklum balas daripada industri. Apakah yang diperlukan dalam sektor pekerjaan sekarang.

"Kurikulum juga dikemas kini setiap lima tahun ataupun jika ada keperluan sebab sekarang zaman teknologi, jadi kita memang akan semak bila ada keperluan," katanya sambil menambah KPKM turut mendapatkan kerjasama pakar daripada universiti.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilapor berkata kebolehpasaran graduan TVET Pertanian di institut serta pusat latihan di bawah KPKM mencatatkan peningkatan kepada 78.1 peratus pada 2023 berbanding 72.3 peratus pada 2022.

KPKM berharap kadar itu terus meningkat dan melepas sasaran ditetapkan, iaitu melebihi 80 peratus.

Konvokesyen Pertanian ke-13 KPKM pada Khamis lalu menyaksikan 448 graduan menerima sijil dan diploma antaranya Diploma Kemahiran Malaysia (DKM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Sijil Pertanian, Sijil Veterinar Malaysia dan Sijil Perikanan.

BERNAMA

24 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | PELAJAR SPM DAPAT 10A DIJAMIN TEMPAT, BIASISWA DI UNIKL, UPTM

Pelajar SPM dapat 10A dijamin tempat, biasiswa di UniKL, UPTM - Ahmad Zahid

Oleh [Asrol Awang](#) - Mei 24, 2025 @ 6:38pm



KUANTAN: Pelajar yang memperoleh keputusan 10A dan ke atas dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) layak menerima basiswa penuh untuk menyambung pengajian ke Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) dan Universiti Poly-Tech MARA (UPTM).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pelajar lepasan SPM yang mendapat keputusan SPM 5A hingga 7A turut diberikan peluang untuk menyambung pengajian di dua universiti berkenaan.

"Insya-Allah, jika pelajar itu memperoleh 10A dan ke atas, saya boleh jamin permohonan mereka akan diterima secara automatik untuk masuk ke UNIKL dan UPTM.

"Malah, saya telah mengarahkan perkara ini kepada Ketua Pengarah MARA dan ia juga dipersetujui oleh Pengerusi MARA (Majlis Amanah Rakyat) dan mana-mana pelajar yang dapat 10A akan diberikan basiswa penuh untuk melanjutkan pengajian di UNIKL dan UPTM," katanya.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Skuad Yayasan Pelajaran Malaysia (YPM) peringkat kebangsaan 2025 di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail dan Pengerusi MARA, Datuk Dr Asyraf Wajid Dusuki.

Bagi pelajar yang hanya mendapatkan tiga kredit yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti, beliau berkata, pelajar berkenaan tidak perlu bimbang kerana kerajaan menyediakan program Pendidikan Dan Latihan Teknikal & Vokasional (TVET).

"Jangan risau, kita ada TVET. Kita akan salurkan lepasan SPM ini ke seluruh 1,399 institusi TVET di seluruh negara.

"Biarpun permohonan untuk kemasukan ke institusi TVET dibuka bermula 15 April lalu bagi pengambilan Julai depan, sebanyak 126,000 permohonan diterima kerana TVET mempunyai masa depan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pelancaran skuad YPM itu sebagai inisiatif strategik dalam memperkasa belia menjadi ejen perubahan sosial, Pendidikan dan pembangunan komuniti.

"Skuad YPM digerakkan sebagai platform untuk memperluas akses Pendidikan berkualiti kepada pelajar luar bandar dan B40, di samping memupuk nilai kepimpinan, kesukarelawan, keusahawanan dan perpaduan dalam kalangan generasi muda.

"Selain itu skuad YPM bukan sekadar sukarelawan tetapi simbol semangat anak muda Malaysia yang bersedia turun padang membantu masyarakat dan membawa perubahan secara langsung.

BERNAMA

27 MEI 2025

BERNAMA ONLINE | MARA CADANG TAMBAH PENDIDIK PENUHI KEPERLUAN

MARA cadang tambah pendidik penuhi keperluan

Oleh [Tuty Haryanti Ahmad Rodzi](#) - Mei 27, 2025 @ 1:56pm



KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (MARA) bercadang menambah lebih ramai pendidik MARA bagi memenuhi keperluan semasa.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata ia susulan permohonan masuk ke Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang semakin bertambah ketika ini.

Selain itu katanya, ia juga bagi memenuhi keperluan permohonan memasuki bidang Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET) yang diterima sehingga lebih 100,000 permohonan sejak awal bulan ini.

"Permohonan untuk masuk ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Institut Kemahiran MARA (IKM) serta kolej pendidikan banyak kita terima dan kekangan kita adalah pendidik.

"Sebagai memenuhi keperluan ini, MARA akan menambah jumlah pendidik dari semasa ke semasa dan jumlah 9,987 pendidik MARA ketika ini pasti akan meningkat berdasarkan prestasi dan keperluan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Hari Anugerah Pendidik MARA 2025 di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengurus MARA, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Sementara itu, diminta mengulas kredibiliti pendidik termasuk kes guru menengking seorang murid baru-baru ini, beliau berkata guru harus menunjukkan sikap tabayyun dalam kehidupan seharian.

"Kerana nilai setitik, rosak susu sebelanga. Peribahasa ini menggambarkan terdapat kes yang berlaku hari ini berkaitan tindakan negatif seseorang guru yang boleh memberi kesan buruk kepada keseluruhan profesi guru.

"Seorang guru yang melanggar peraturan tatatertib melakukan kesalahan besar boleh mencemarkan reputasi sesebuah sekolah atau institusi di mana dia mengajar.

"Oleh itu, penting bagi seseorang yang memegang amanah sebagai seorang pendidik untuk sentiasa menjaga integriti dan bertindak dengan penuh tanggungjawab," katanya.

Mengulas lanjut katanya, dalam dunia pendidikan, amanah dan kredibiliti adalah asas yang memastikan kepercayaan serta keberkesanan dalam proses pembelajaran.

Katanya, amanah dalam konteks pekerjaan bermaksud melakukan pekerjaan dengan penuh kejujuran.

"Pendidik bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk sahsiah dan etika generasi masa depan.

"Tanpa integriti yang kukuh, keberkesanan pendidikan boleh terjejas, dan kesannya bukan hanya kepada individu tetapi kepada masyarakat secara keseluruhan.

"Apabila amanah dijunjung tinggi, kepercayaan antara pendidik, pelajar dan masyarakat akan berkembang dengan lebih kukuh menjadikan pendidikan lebih bermakna dan berkesan," katanya.

Justeru, beliau berkata bagi memastikan tiada sebarang isu di kalangan pendidik MARA, pihaknya sentiasa memastikan menilai sistem dan ekosistem bukan sahaja dari segi modul latihan tetapi kredibiliti pendidik MARA itu sendiri.

Terdahulu, Rubiah menyampaikan hadiah kepada 75 penerima sebagai tanda penghargaan dan sumbangan dalam membentuk modal insan.

Tujuh anugerah itu adalah Anugerah Tokoh Pendidik MARA, Anugerah Ikon Pendidik Lelaki, dan Wanita, Anugerah MRSM Bagi Pencapaian Terbaik 2024, Anugerah IPMA Terbaik, Anugerah Pendidik Cemerlang MARA dan Pakar Subjek/ Kluster.